



**Circular No 177/2020
Dated 9 June 2020**

To Members of the Malaysian Bar

**Notification of Court Operations During the Recovery Movement Control Order
("RMCO") Period**

We refer to [Circular No 137/2020](#) entitled "Notification of Court Operations During the Conditional Movement Control Order Period and Post-Movement Control Order" dated 3 May 2020 and [Circular No 145/2020](#) entitled "Notification of Court Operations During the Conditional Movement Control Order Period and Post-Movement Control Order" dated 8 May 2020.

The Chief Registrar of the Federal Court, Tuan Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, has today extended to us an email entitled "Pemakluman Pendengaran Kes di Mahkamah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan Tahun 2020".

We would like to highlight to Members the part in the email where it states the following:

- (1) Courts across Malaysia will be fully operational from 1 July 2020; and
- (2) "Garis Panduan Berurusan di Mahkamah Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan" is still applicable and should be read conjunctively with the safety and health guidelines that are issued by the National Security Council and the Ministry of Health Malaysia from time to time.

The relevant portion of his email is reproduced below.

We hope that the information provided here is of assistance to Members. We will update Members as and when there are new developments.

Thank you.

**A G Kalidas
Secretary
Malaysian Bar**

Tarikh 9 Jun 2020

Dengan hormatnya perkara di atas dan e-mel Pejabat ini bertarikh 17 Mac 2020, 26 Mac 2020, 10 April 2020, 24 April 2020, dan 8 Mei 2020 dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri / Datuk / Tuan, berikutan daripada perutusan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 7 Jun 2020 berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, adalah saya diarahkan oleh YAA Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan bahawa bermula 1 Julai 2020, Mahkamah-Mahkamah di seluruh negara akan beroperasi secara sepenuhnya.
3. Walau bagaimanapun, Pejabat ini ingin memaklumkan YBhg. Tan Sri / Datuk / Tuan bahawa Garis Panduan Berurusan di Mahkamah Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dikeluarkan oleh Pejabat ini melalui e-mel bertarikh 8 Mei 2020 masih lagi terpakai dan tatacara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan garis panduan keselamatan dan kesihatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.
4. Untuk apa-apa pertanyaan, pihak YBhg. Tan Sri / Datuk / Tuan bolehlah mengemukakannya kepada Pejabat ini melalui e-mel di alamat kunikasikorporat@kehakiman.gov.my.



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PEMAKLUMAN MENGENAI OPERASI MAHKAMAH SEMASA TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Sehubungan dengan Perutusan Khas oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 7 Jun 2020 berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dan kenyataan oleh YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara bertarikh 8 Jun 2020, dimaklumkan bahawa YAA Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara telah mengarahkan untuk semua Mahkamah beroperasi secara sepenuhnya bermula 1 Julai 2020.

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan penyampaian perkhidmatan keadilan diteruskan, namun pada masa yang sama akan memastikan segala garis panduan keselamatan dan kesihatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa dipatuhi bagi mencegah penularan wabak COVID-19 semasa menjalankan operasi Mahkamah.

Terima kasih

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 9 Jun 2020